

30 JUN 1999

Pakistan-Bantuan

PAKISTAN MINTA SOKONGAN MALAYSIA BAGI TAMATKAN KONFLIK SEMPADAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Malaysia diminta oleh Pakistan membantu menamatkan konflik Kashmir dengan menggunakan pengaruhnya terhadap India bagi menghentikan tindakan ketenteraan dan menyelesaikan perbalahan sempadan secara baik.

Mian Abdul Waheed, Wakil Khas Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif, berkata Pakistan yakin Malaysia yang merupakan negara dihormati boleh mempengaruhi India supaya mengawal tindak tanduknya di kawasan sempadan yang tegang itu dan mencari jalan penyelesaian secara aman.

"Malaysia adalah anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan suara dan kepimpinannya dihormati di seluruh dunia dan kami berharap Malaysia boleh menggunakan pengaruhnya terhadap India untuk bersetuju berdialog dengan Pakistan bagi menangani isu itu," katanya pada sidang berita di Kedutaan Pakistan di sini.

"Kami mahu campur tangan pihak ketiga. Tiada ada prospek untuk bercakap dengan India bagi menamatkan sengketa selepas beberapa kali usaha Pakistan mengadakan dialog melalui hubungan dua hala tidak menampakkan tanda positif dari India," katanya.

India melancarkan serangan udara dan darat di Kashmir pada 26 Mei bagi mengusir apa yang didakwa penyusup yang disokong oleh Pakistan yang menduduki beberapa puncak strategik di satu kawasan di sebelah India.

India mendakwa kebanyakan penyusup itu terdiri askar Pakistan tetapi Pakistan menafikannya dan berkata mereka adalah "pejuang kebebasan".

Mian yang dalam siri lawatan mendapat sokongan dunia bagi membantu menamatkan pertikaian itu berkata, beliau yakin India akan menghentikan pergerakan tentera jika masyarakat antarabangsa menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkara itu.

Mian yang tiba di sini dua hari lepas dan akan berlepas ke Tokyo lewat hari ini berkata beliau akan menyerahkan surat daripada Nawaz Sharif kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta bantuan itu.

Menurutnya keputusan India menolak campur tangan pihak ketiga bagi menamatkan pertikaian itu mendorong kerajaan Pakistan menghantar wakil khas ke negara-negara Kesatuan Eropah, Benua Afrika dan Latin Amerika meminta sokongan bagi membantu menamatkan konflik.

"Pakistan mahukan kedamaian dan kami mahu berdialog bagi menamatkan pertikaian," kata Mian.

Konflik itu telah meragut banyak nyawa dan ramai lagi yang terpaksa mendapat perlindungan di Wilayah Pakistan.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pula berkata berkata penglibatan tentera di kawasan berkenaan di Kashmir mesti disekat bagi mengelak peperangan yang boleh mencetuskan perang nuklear di rantau itu.

Presidennya Ahmad Azam Abdul Rahman berkata masalah itu tidak boleh selesai dengan mendesak penyusup Kashmir mengosongkan kawasan itu tanpa menilai masalah asal atau masalah utama.

Pakistan nampaknya bersimpati dengan puak militan Kashmiri dan usahanya bagi mencapai kedaulatan bagi tanah air mereka kerana berlaku ketidakadilan yang telah diabaikan oleh masyarakat antarabangsa sekian lama, kata Ahmad Azam dalam satu kenyataan di sini.

"Bagi kira-kira separuh abad, Kashmir wujud di dunia dalam keadaan tidak menentu dan apa yang diperolehi oleh rakyat Kashmir adalah siri resolusi dan janji-janji yang tidak penting dan kukuh," katanya.

-- BERNAMA

ARA LAT MAI